

A decorative frame in the shape of a six-pointed star with concave sides. The frame is filled with intricate floral and vine patterns, including leaves, small flowers, and circular motifs. The background of the frame is black, and the patterns are rendered in white and light gray. The text is centered within the white space of the star.

**KESIMPULAN
& SARANAN**

KESIMPULAN DAN SARANAN

1. KESIMPULAN

Hasil penelitian dan kajian yang telah dijalankan, pada bab ini akan dibentangkan kesimpulan-kesimpulan umum serta saranan-saranan yang diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk merancang dan memperbaiki sistem ekonomi Islam di Malaysia.

Pada awal penulisan, telah dibentangkan berkenaan latar belakang al-Imām al-Ghazālī yang merangkumi pelbagai sudut seperti latarbelakang keluarga, pendidikan, pekerjaan, sosio budaya dan politik pada zaman beliau.

Berdasarkan pembacaan dan kajian terhadap penulisan yang berkaitan dengan biodata al-Imām al-Ghazālī ternyata beliau merupakan tokoh pemikir Islam yang berkaliber dan terkenal. Beliau bukan sahaja dikenali di kalangan umat Islam malah juga di kalangan penulis-penulis Barat. Berdasarkan penilaian yang dibuat, al-Imām al-Ghazālī memiliki banyak keistimewaan yang sukar ditandingi oleh tokoh-tokoh pemikir Islam lain.

Keistimewaan beliau jelas tertera jika melihat kepada kegigihan beliau menuntut ilmu sejak kecil lagi sehingga sanggup berhijrah dari satu tempat ke satu tempat yang lain seperti berhijrah ke Jurjān, Naysābūr, Baghdad, Syam dan Damsyiq.

Ketokohan beliau tidak diragui lantaran beliau pernah berguru dengan tokoh-tokoh pemikir Islam terkenal pada zamannya seperti Shaykh Aḥmad al-Razkānī, Imām al-Jurjānī dan al-Imām al-Ḥaramayn.

Selain itu, keistimewaan al-Imām al-Ghazālī turut terserlah menerusi penulisan beliau yang mencakupi segala bidang ilmu pengetahuan bukan sahaja terbatas kepada pengajian agama tetapi juga merangkumi ilmu-ilmu lain seperti politik, psikologi, pendidikan, sains dan juga bidang ekonomi sebagaimana kajian yang telah dibuat melalui penulisan ini.

Menyentuh tentang pengaruh beliau dalam bidang penulisan, sumbangan beliau memang begitu besar dan meluas serata dunia, terutama hasil karya beliau yang unggul iaitu *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn*. Penulisan beliau ini, telah diterjemah kepada pelbagai bahasa, dijadikan bahan rujukan, telah diberikan ulasan malah kritikan daripada sarjana sehingga kehari ini. Berdasarkan kepada keunggulan karya tersebut, maka kajian tentang pemikiran ekonomi al-Imām al-Ghazālī ini diberi tumpuan khusus kepada menilai dan menganalisis pemikirannya di dalam *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn* sahaja sebagai bahan kajian teks.

Perbincangan berkaitan tentang *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn* ini telah dibentangkan dalam bab kedua dengan meneliti isi kandungannya. Tumpuan khusus diberikan kepada penulisan al-Imām al-Ghazālī berkaitan dengan bidang ekonomi.

Penelitian dan kajian dalam aspek ekonomi dalam karya al-Imām al-Ghazālī ini, telah dapat dibuat kesimpulan bahawa al-Imām al-Ghazālī juga turut mengutarakan ide-ide yang sangat baik untuk dijadikan panduan, teori dan amalan untuk generasi selepasnya.

Al-Imām al-Ghazālī telah membincangkan berkaitan dengan institusi zakat dengan membahaskan dari sudut harta-harta yang wajib dizakati, kaedah pengiraan zakat dan syarat-syarat yang wajib diikuti oleh orang yang mengeluarkan zakat.

Penulisan al-Imām al-Ghazālī berkaitan dengan kontrak-kontrak yang sering diamalkan ketika melakukan aktiviti perniagaan iaitu kontrak jual beli, riba, jualbeli salam, sewaan, perkongsian dan *qirāḍ* jelas membuktikan bahawa al-Imām al-Ghazālī juga merupakan seorang yang peka dan terlibat secara langsung dalam membincangkan persoalan ekonomi.

Sebagai seorang yang menguasai bidang ilmu tasauf al-Imām al-Ghazālī mempunyai autoriti dan kelebihan dalam membahaskan perkara yang berkaitan dengan etika dalam urusan perniagaan. Perbahasan al-Imām al-Ghazālī dari sudut etika ini dibahagikan kepada dua aspek; pertama suruhan menjauhi perkara yang membawa kepada kemudaran yang menyeluruh dan kedua larangan melakukan kemudaran yang menimpa kepada pihak berurusan sahaja.

Al-Imām al-Ghazālī juga menyenaraikan perbuatan-perbuatan terpuji yang perlu dilakukan ketika menjalankan aktiviti perniagaan iaitu larangan melakukan tipudaya, menanggung kerugian, bertoleransi dalam menuntut hutang, penunaian hutang, pembatalan urusan jualbeli dan penangguhan bayaran kepada golongan miskin. Beliau juga meletakkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi supaya aktiviti perniagaan yang dilakukan itu boleh dianggap sebagai ibadat.

Dalam bab keempat dikemukakan analisis sumbangan al-Imām al-Ghazālī dalam bidang ekonomi sebagaimana yang terdapat dalam kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Penelitian tentang pemikiran al-Imām al-Ghazālī berhubung dengan zakat dilihat dari segi sumber hukum menyatakan kewajiban berzakat, keperluan kepada penulisan semasa dalam bab zakat serta pandangan beliau dalam beberapa perkara berkaitan isu zakat ini.

Penekanan al-Imām al-Ghazālī terhadap ilmu pengetahuan asas berkaitan dengan kontrak-kontrak perniagaan ini, dinilai dan dianalisis daripada pelbagai sudut. Secara kesimpulannya, semua kontrak yang dikemukakan oleh beliau masih lagi menjadi perbincangan, perbincangan serta diamalkan dalam sistem ekonomi Islam dikebanyakan negara. Ini menggambarkan bahawa isi kandungan yang dikemukakan oleh al-Imām al-Ghazālī ini merupakan suatu yang berharga dan bernilai untuk diselidiki serta dijadikan panduan kepada pengamal ekonomi Islam kini.

Etika perniagaan yang dikemukakan oleh al-Imām al-Ghazālī pula sebenarnya mempunyai banyak persamaan dengan teori pengagihan kekayaan dalam Islam. Ini dapat dilihat apabila meneliti pandangan pemikir-pemikir ekonomi Islam semasa berkaitan isu ini.

Jelasnya, kajian tentang pemikiran ekonomi al-Imām al-Ghazālī dalam *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn* ini telah berhasil mengetengahkan banyak teori, ide serta pandangan beliau yang amat bernilai untuk dijadikan bahan kaji selidik serta diimplementasikan dalam sistem ekonomi Islam sekarang.

SARANAN

Berdasarkan kepada kesimpulan di atas, dicadangkan beberapa saranan untuk diambil tindakan susulan oleh pihak berkenaan:

1. Penyelidikan lanjut berhubung dengan al-Imām al-Ghazālī perlu dilakukan secara yang lebih mendalam terutamanya berhubung dengan pemikiran ekonomi beliau secara yang lebih meluas tidak terbatas kepada pemikirannya dalam *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn* sahaja. Ini kerana terdapat banyak pemikiran ekonomi beliau yang ditulis dalam karya-karya beliau lain yang boleh membantu dalam membuat kesimpulan terhadap bentuk pemikiran beliau dalam bidang ini.

2. Penyelidikan secara lapangan perlu dilakukan terhadap tokoh ini supaya hasil yang diperolehi lebih tepat dan terperinci. Ini kerana kajian yang berbentuk merakamkan ketokohan seseorang tidak boleh bergantung semata-mata kepada penyelidikan perpustakaan. Ini kerana sumber-sumber data yang diperolehi daripada bahan-bahan penulisan agak terbatas untuk memberikan maklumat berkaitan sesuatu tokoh. Usaha untuk melakukan dokumentari berkaitan tokoh ini juga harus dilakukan dengan melakukan penyelidikan di tempat tinggal al-Imām al-Ghazālī serta meninjau subjek-subjek yang terlibat dalam kehidupan beliau.